

CNS2584

U GB 16-02 00155 BB148

bah

Mahathir - Pekerja

Daripada Amin Husaini Harun

ISLAMABAD, 15 Feb (Bernama) -- Malaysia merancang untuk mendapatkan lebih ramai pekerja mahir dan separuh mahir dari Pakistan bagi menampung permintaan di Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan ini pada perbincangan peringkat perwakilan dengan Pakistan di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini, hari kedua lawatan rasminya selama empat hari ke negara ini yang bermula semalam.

Perwakilan Pakistan diketuai oleh Perdana Menteri, Encik Nawaz Sharif.

Yang turut menyertai perwakilan Malaysia seramai 1.5 orang itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah I-faji Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Halim Ali ketika memberi taklimat mengenai rundingan itu kepada wartawan Malaysia berkata, perbincangan itu memberi tumpuan kepada isu-isu ekonomi dua hala. -- Lagi.

▼16/02/00-35MST

CNS2585

U GB 16-02 001.20 BB149

b a h

Mahathir - Pekerja 2 Islamabad

Pada perbincangan itu, Nawaz berharap Malaysia dapat membantu mengurangkan ketidakseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara yang kini memihak kepada Malaysia dengan jumlah yang besar.

Katanya, Pakistan mahukan Malaysia membeli lebih banyak keluaran negara itu seperti barangan kejuruteraan dan beras serta berharap lebih banyak syarikat pembinaannya dapat diberikan kontrak di Malaysia.

Halim berkata, Dr Mahathir bersetuju untuk menimbang kesemua permintaan Pakistan itu.

Katanya, Dr Mahathir dan Nawaz bersetuju untuk membincangkan mengenai penglusan kerj **asama** teknikal yang kini disediakan oleh kedua-dua negara.

Menqenai isu antarabangsa, beliau berkata, kedua-dua perwakilan melahirkan kebimbangan mengenai peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan negara-negara bat-at yang kurang memberi bantuan kepada Bosnia-Herzegovina, -- Lagi.

▼16/02/00-40MST

CNS2588

U GB 16-02 00147 BD1.50

bah

Mahathir - Pekerja 3 Islamabad

Kata Halim, Nawaz turut memberi taklimat mengenai keadaan di Kashmir dan mengharapkan persefahaman Malay; i a mengenai isu i tu.

Selepas perbincangan itu, rombongan Dr Mahathir **melawat** Peshawar dan Khyber Pass di sempadan Pakistan-Afghanistan.

Yang turut menyertai rombongan itu ialah isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Abdullah, Rafidah dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Datuk Yusof Hashim.

Rombongan Malaysia itu yang dikatakan rombongan terbesar dari negara luar yang melawat ke kawasan sempadan diberikan kawalan ketat ketenteraan sepanjang perjalanan darat dari Peshawar ke Khyber Pass sejauh kira-kira 70km.

Dr Mahathir dan rombongan telah diberitaklimat mengenai pasukan "Khyber rifles" yang ditubuhkan pada Nov 1878 khusus untuk mengawal kawasan sempadan itu yang ditadbir dan dikendalikan oleh Kawasan Suku Kaum Yang Ditadbir Persekutuan diketuai oleh komandannya Kol Hassan Shah. -- Lagi.

▼16/02/00-52MST

CNS2589

U GB 16-02 0006% BB151

bah

Mahathir - Pekerja 4 (Akhir) Islamabad

Rombongan itu seterusnya diraikan di Khyber Pass Rifle dan menyaksikan persembahan tarian pelbagai suku kaum tempatan.

Perdana Menteri dan rombongan kemudian balik ke Peshawar untuk mendengar taklimat pembangunan di bandar itu.

Malam ini beliau dan rombongan diraikan pada jamuan makan malam oleh Nawaz di Islamabad. -- Bernama.

▼16/02/00-53MST